

PERSEPSI DAN HALA TUJU PELAJAR DALAM PENGAJIAN TAHFIZ

Nor Hayati Fatmi Talib¹, Mastura Mamat² & Marzuki Sepiaail³

*Politeknik Nilai¹, Universiti Kebangsaan Malaysia² & Politeknik Sultan Azlan Shah³
yati_6709@yahoo.com¹, p136105@siswa.ukm.edu.my² & marzuki@psas.edu.my³*

ABSTRACT

The Quran is the primary source in Islam, guiding human life as both servants and vicegerents of Allah SWT, in this world and the hereafter. Quranic education encompasses the objective of producing individuals who are hafiz (memorizers of the Quran), ‘alim (scholars), da’ie (preachers) and professionals, ultimately becoming significant contributors to society. Ensuring high-quality tahfiz education with a clear direction is crucial for the credibility of tahfiz graduates and tahfiz institutions. This study aims to gather information on tahfiz students' perceptions during their studies and their future direction upon completing their tahfiz education. A quantitative survey was conducted using questionnaires, involving 406 respondents from tahfiz institutions who agreed to participate in the study. The findings revealed that the memorization methods and teaching aids were rated at a high level ($M=3.73$, $SD=0.80$), teaching staff at a high level ($M=4.01$, $SD=0.82$), and management at a high level ($M=3.89$, $SD=0.91$). However, the students' inclination to pursue further studies at polytechnics was at a moderate level ($M=3.04$, $SD=1.19$). Overall, the results indicate that the students' perceptions of the various aspects studied were generally positive, and many expressed an interest in continuing their education within the polytechnic system after completing their tahfiz studies. These findings provide valuable insights for polytechnics to develop broader educational programs under the Tekno Huffaz program.

Keywords: Tahfiz Studies, Teaching Methods, Teaching Aids, Management, Direction.

ABSTRAK

Al-Quran merupakan sumber utama dalam Islam yang memandu kepada realiti kehidupan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah swt samaada di dunia maupun di akhirat. Pembelajaran al-Quran terangkum dalam matlamat menghasilkan *hafiz*, *‘alim*, *da’ie* dan professional yang akhirnya menjadi individu yang signifikan dalam kehidupannya. Melalui proses pengajian tahfiz yang berkualiti serta hala tuju yang jelas penting bagi kewibawaan lepasan pengajian tahfiz dan pusat pengajian tahfiz. Kajian ini bertujuan untuk mendapat maklumat berkaitan persepsi pelajar tahfiz sepanjang mengikuti pengajian tahfiz dan hala tuju pelajar selepas menamatkan pengajian tahfiz. Kajian berbentuk tinjauan secara kuantitatif menggunakan soal selidik telah dilaksanakan melibatkan 406 orang responden kajian di pusat pengajian tahfiz yang bersetuju melibatkan diri dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati persepsi pelajar terhadap kaedah hafazan dan bahan bantu mengajar berada pada tahap tinggi ($SM=3.73$, $SP=0.80$), tenaga pengajar berada pada tahap tinggi ($SM=4.01$, $SP=0.82$), pengurusan berada pada tahap tinggi ($SM=3.89$, $SP=0.91$) dan hala tuju menyambung pengajian di politeknik berada pada tahap sederhana ($SM=3.04$, $SP=1.19$). Dapatkan menujukkan bahawa persepsi pelajar institusi tahfiz aspek yang dikaji secara keseluruhannya berada pada tahap yang baik dan pelajar mempunyai hala tuju untuk menyambung pengajian dalam sistem politeknik selepas menamatkan pengajian tahfiz. Dapatkan memperlihatkan banyak maklumat yang berguna untuk politeknik gunakan dalam rangka menawarkan program pembelajaran yang lebih luas dalam sistem politeknik di bawah program Tekno Huffaz.

Kata kunci: Pengajian Tahfiz, Kaedah Pengajaran, Bahan Bantu Mengajar, Pengurusan, Hala Tuju.

PENGENALAN

Pengajian Tahfiz Di Malaysia

Kehidupan manusia secara fitrahnya memerlukan agama sebagai pegangan dan sandaran yang utuh. Bagi agama Islam, al-Quran merupakan sumber utama bagi memandu keseluruhan kehidupan manusia di dunia dan akhirat. Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr ayat 9 yang bermaksud: “*Sesungguhnya Kami (Allah) yang menurunkan al-Quran dan Kami (Allah) yang akan memeliharanya*”. Bentuk pemeliharaannya termasuklah melalui hafazan (Muhammad Amirullah & Mohd Isa, 2023). Ini selari dengan firman Allah SWT dalam surat al-Qiyamah ayat 17 yang bermaksud: “*Sesungguhnya tugas Kamilah mengumpul (dalam hatimu) dan membacakannya*”. Penghafaz al-Quran mendapat kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT dan disebut sebagai pilihan Allah SWT (Surah al-Fathir, ayat 32).

Pendidikan tahfiz pula merupakan salah satu cabang dalam pengajian al-Quran malahan merupakan bentuk pengajian terawal di Tanah Melayu seawal kedatangan Islam dan masih kekal sehingga sekarang sebagai cabang pengajian al-Quran yang paling utama. Pengajian tahfiz di Malaysia bermula dengan pengajian di surau, masjid, rumah tuan guru, sekolah pondok bersama pengajian atas Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah (Fadzlullah, 1995). Idea pengajian tahfiz secara formal, tersusun dan sistematik tercetus dari saranan almarhum mantan Perdana Menteri Yang Mulia Tuanku Abdul Rahman Putra al-Haj hasil penganjuran Ujian Tilawah al-Quran peringkat Kebangsaan pada tahun 1960 (Noor Hisham et al., 2014, Muriyah et al., 2015). Idea hebat ini berjaya direalisasikan dengan penubuhan kelas Pengajian Menghafaz al-Quran dan Ilmu Qiraat di bawah kelolaan Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan urusetia Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang menjadi wadah rasmi mempertingkatkan kualiti bacaan dan hafazan al-Quran (Nordin, 2015; Wan Muhammad, 2003)

Pengajian tahfiz di Malaysia berkembang pesat, bilangan sekolah tahfiz semakin bertambah dan terdapat sebahagian institusi tahfiz tradisional berkembang menjadi institusi tahfiz moden (Azmil & Misnan, 2015; Ashraf, 2018). Di institusi tahfiz moden, pembelajaran secara integrasi yang mengabungkan kurikulum tahfiz dengan kurikulum pendidikan akademik semasa dilaksanakan. Menurut Abd Rahman (2026), Malaysia mengorak langkah menawarkan pendidikan tahfiz secara formal di peringkat menengah di bawah pemantauan kerajaan pusat, mata pelajaran hafazan al-Quran dan beberapa mata pelajaran lain yang berkaitan dengan al-Quran diperkenalkan di peringkat awal di 4 buah sekolah berasrama penuh (SBP) dan 11 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) yang terpilih terlibat di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan terus berkembang. Hakikatnya, operasi dan pelaksanaan pengajian tahfiz di institusi tahfiz mempunyai persamaan dan terdapat juga berbezaan bergantung kepada pengurusan institusi tahfiz berkenaan.

Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) kemudiannya digubal dan dibentuk berdasarkan kurikulum tahfiz al-Quran daripada pelbagai institusi pendidikan agama dan telah diselaraskan oleh KPM, Jawatankuasa Kurikulum Agama Lembaga Penasihat Penyelarasaran Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Kurikulum bertujuan membentuk kemenjadian pelajar yang bersifat *Quranik*. KBT mula ditawarkan pada tahun 2014 di sekolah menengah dan bilangan sekolah yang melaksanakannya semakin bertambah. Hasilnya, pelajar-pelajar tahfiz berpeluang untuk meneruskan pengajian ke institusi dalam dan luar negara setelah tamat belajar.

Pendidikan tafhiz juga turut ditawarkan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS) dan Politeknik Malaysia dengan kerjasama Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (Nordin, 2015). Pendidikan tafhiz juga diperkenalkan peringkat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Tafhiz di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan program *Plus Tafhiz* Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai kursus kokurikulum berkredit (Mohd Razlan et al., 2022). Hakikatnya, institusi-institusi pengajian tafhiz termasuk Darul Quran ditubuhkan membawa hasrat melahirkan huffaz yang menguasai pembacaan dan ilmu al-Quran, mampu berperanan memelihara kesucian dan kesahihan al-Quran yang akhirnya menjadi generasi al-Quran yang mampu menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan negara (Darul Quran, 2006).

Rasulullah SAW, para Sahabat, Tabien, Ulama, para *Salafus Soleh* adalah penghafaz al-Quran dan ikhlas melakukannya agar al-Quran terpelihara melalui kaedah-kaedah tertentu antaranya adalah kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* (bersemuka), hafazan dan penulisan. Rasulullah SAW memperdengarkan bacaan al-Quran secara beransur-ansur dan bacaanNya diikuti oleh para sahabat sebelum ayat tersebut dihafaz dan dalam masa yang sama ayat-ayat al-Quran ditulis di atas batu, tulang atau pelepas tamar. Al-Quran juga merakamkan cara menguasai al-Quran dalam surah al-Qiyamah ayat 16 dan 18 iaitu mendengar ayat al-Quran dengan teliti, membaca dengan betul dan mengamalkan al-Quran dalam kehidupan (al-Ustaniah, 2008). Selain itu, ahli al-Quran bertanggungjawab memastikan bacaan menepati makhraj dan tajwid (surah al-Muzammil, ayat 4), mengambil iktibar dari al-Quran (surah Muhammad, ayat 24). Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) merupakan elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. BBM berfungsi sebagai alat yang dapat meningkatkan kefahaman pelajar terhadap sesuatu pengajaran termasuk hafazan al-Quran.

Proses pengajaran dan pembelajaran yang bermakna menjadikan proses penyampaian ilmu dapat dilakukan dengan berkesan bermula dari pengajaran yang terancang dari seorang guru tafhiz (Sri Andayani et al., 2021). Namun, penelitian yang telah dilakukan terhadap sekolah tafhiz persendirian di Negeri Selangor mendapati tenaga pengajarnya tidak mempunyai kelulusan dalam bidang pengajaran dan pendidikan. Selain itu, terdapat banyak kelemahan dalam aspek pengetahuan pedagogi dan amalan pengajaran dalam kalangan guru tafhiz tersebut (Siti Rashidah, 2020).

Bagi melahirkan pelajar tafhiz yang berkualiti dan mampu memberi sumbangan yang maksimum kepada negara, perancangan dan pelaksanaan di pihak pengurusan institusi tafhiz adalah penting. Perancangan, pengurusan dan pelaksanaan yang berkesan dan berkualiti serta hala tuju yang jelas merupakan penentu kepada kewibawaan dan kualiti graduan tafhiz yang dihasilkan. Di Malaysia, institusi tafhiz bermula dengan institusi pondok dan kemudiannya berkembang pesat ekoran permintaan dan kesedaran ibubapa kepada Pendidikan al-Quran. Institusi pondok tradisional pada asalnya hanya menekankan kepada menghafal al-Quran sahaja seterusnya ditambah dengan ilmu agama (*dini*) (Solahuddin. I, 2016). Beberapa tahun kebelakangan ini, muncul institusi tafhiz moden menggunakan model Ulul Albab, yang mana pelajar akan mendapat kelayakan akademik bersama Sijil Tafhiz Malaysia dari Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

SOROTAN KAJIAN

Terdapat kajian telah dijalankan dalam pelbagai aspek berkaitan dengan pengajian tahfiz antaranya kajian Farah Ilyani et al. (2018) yang dijalankan di institusi tahfiz swasta mendapati tahap amalan pembelajaran pelajar tahfiz berada pada tahap sederhana tinggi ($SM=3.74$, $SP=0.43$). Kajian Nor Hashimah dan Khadijah (2020) dalam kalangan 250 orang pelajar berkaitan motivasi dalam pengukuhan hafazan al-Quran menunjukkan bahawa, pelajar mempunyai motivasi yang sederhana secara intrinsik ($SM=2.78$, $SP=0.44$) dan secara ekstrinsik ($SM=2.83$, $SP=0.46$) yang memerlukan inisiatif pelbagai pihak dan kaedah bagi membantu pelajar bermotivasi dalam pengajian tahfiz.

Muhamad Shafiq dan Noraini (2018) menyatakan, kaedah pembelajaran dan pendekatan pengajaran guru menyumbang kepada pencapaian pelajar, bahan bantu mengajar membantu penyampaian yang efektif dimana guru perlu berinisiatif mempelbagaikan penggunaanya agar menarik tumpuan pelajar. Kajian M. Marzuqi (2016) mendapati bahawa penggunaan alat bantu hafazan (ABH) yang merupakan BBM dalam pengajaran tahfiz al-Quran yang kurang diberi perhatian oleh guru seperti menggunakan bahan bercetak iaitu majalah atau akhbar. Terdapat juga kajian berkaitan dengan pelaksanaan modul pengajaran tahfiz seperti kajian Mardhiah (2016) yang menilai tahap pelaksanaan modul *Quranik* di dalam pengajaran guru program Ulul Albab mendapati bahawa strategi dan kaedah guru di MRSM Ulul Albab berada pada tahap sederhana. Begitu juga kajian yang dijalankan pada tahun 2020 oleh Muhd Zulhilmi et al. (2020), kajian mendapati penggunaan BBM teknologi dalam kalangan guru Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) berada pada tahap sederhana walaupun guru menyedari kepentingan penggunaan BBM membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Penggunaan BBM yang berdasarkan teknologi dalam pengajaran tahfiz adalah seiring dengan perkembangan zaman Siti Salma et al. (2021). Pelajar lebih tertarik dan bermotivasi dengan penggunaan BBM teknologi dalam PdP Tahfiz Zainora et al. (2022). Dapatan ini selaras dengan kajian yang di jalankan oleh Siti Mastura et al. (2021), membuktikan pelajar yang belajar menggunakan aplikasi al-Quran memperolehi skor yang lebih tinggi berbanding kumpulan pelajar yang belajar tanpa aplikasi al-Quran. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Siti Salma et al. (2021) ke atas pelajar program Tahfiz di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). Pembelajaran yang menggunakan inovasi digital seperti *Kahoot*, *Coggle* dan *Mentimeter* menjadikan PdP lebih efektif dan berkesan.

Kajian Azmil et al. (2013) menunjukkan bahawa, terdapat kelemahan proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz berpunca daripada kelemahan aspek kemahiran iktisas guru-guru tahfiz. Kajian yang dijalankan oleh Mardhiah et al. (2018) melaporkan guru hafazan yang bertugas di tiga buah MRSM iaitu (Gemencheh, Kota Putra & Kepala Batas) hanya 20 orang dari 62 orang guru tahfiz mempunyai latihan dalam bidang tahfiz. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Ainul Hayat et al. (2021) Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) di Negeri Selangor mempunyai masalah kekurangan tenaga pengajar yang mempunyai pengalaman dan iktisas dalam bidang tahfiz.

Kajian Mohd Razlan et al. (2022) dalam kajiannya berkaitan isu dan cabaran pelajar Plus Tahfiz dalam mengekalkan hafazan al-Quran di UiTM mendapati, cabaran paling besar dihadapi dalam menguruskan program Plus Tahfiz adalah jadual harian akademik yang padat disebabkan program *Plus* Tahfiz, komitmen yang tinggi untuk menghafaz 6 juz setiap semester dan tenaga pengajar yang kurang berdedikasi. Keadaan ini berbeza dengan dapatan kajian Sri Andayani et al. (2021) terhadap guru yang mengajar subjek Maharat di sekolah menengah di seluruh Malaysia

menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Penemuan menunjukkan bahawa amalan guru tahfiz yang mengajar subjek Maharat al-Quran adalah berada pada tahap yang tinggi. Begitu juga dapatkan kajian yang dijalankan oleh Rabi'atul Athirah et al. (2021). Ke atas guru maharat al-Quran di sekolah menengah Tahfiz Ulul Model Ulul Albab mempunyai kefahaman dan berjaya menjalankan pengajaran dengan teratur berteraskan konsep pengajaran abad ke 21(PAK 21).

Cabarannya besar dalam pengajian tahfiz antaranya adalah proses menghafal dan mengingat ayat-ayat al-Quran yang telah dihafal. Kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran tahfiz perlu dirancang dengan baik agar mengurangkan kesukaran pelajar menghafaz al-Quran Nor Hafizi (2020). Terdapat kajian yang dijalankan untuk melihat kaedah pengajaran tahfiz terutamanya kaedah murajaah bagi membantu pelajar tahfiz mengingat agi melahirkan pelajar tahfiz yang profesional dan mampu mengingati ayat al-Quran teknik murajaah yang berkesan perlu digunakan. Kajian oleh Abdul Muhaimin et al. (2021) mendapatkan teknik murajaah belum mempunyai teknik dan kaedah khusus terutamanya murajaah bagi ayat-ayat *mutashabihat*.

Murajaah ayat al-Quran menjadi lebih mencabar apabila sistem hafalan adalah secara integrasi dengan subjek akademik seperti yang dipraktikkan oleh pelajar Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan *Tahfiz Model Ulul al-Bab* (TMUA) keranakekangan masa Nor Hafizi (2020). Kajian yang dijalankan oleh Mohd Nasir dan Muhammad Yaslam (2021) mendapatkan bahawa, pelajar Program Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat di Diploma Tahfiz Al- Qur'an Wa Al Qiraat, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), tahap mengulang ayat-ayat al-Quran yang telah dihafaz adalah pada tahap sederhana. Manakala kajian terhadap pelajar pelajar di Sekolah Imtiaz Kuala Terengganu dan SMA Khairiah Kuala Terengganu mempunyai jadual untuk murajaah al-Quran namun 66% pelajar tidak dapat mengikuti jadual tersebut kerana kekangan masa Nor Hafizi (2020).

Penghasilan "huffaz" yang berkebolehan dan berkualiti adalah melalui pengurusan sekolah tahfiz yang berkesan Muhammad Dhiauddin dan Abdul Hafiz (2021). Terdapat juga kajian berkaitan dengan matlamat dan halatuju program tahfiz al-Quran seperti kajian Noor Hisham et al. (2018) menyatakan bahawa, matlamat dan hala tuju pengajian institusi tahfiz di Kelantan tidak begitu jelas. Namun dapatan yang berbeza dengan dapatan kajian oleh Nurul Huda dan Nur Syahidah (2023) menunjukkan pelajar tahfiz mempunyai banyak peluang untuk menyambung pengajian ke peringkat pengajian tinggi namun memerlukan pemerkasaan dalam aspek pengurusan. Ini selaras dengan dapatan kajian Azman Ab Rahman et al. (2020) di dalam kajian mereka mendapatkan, terdapat keperluan mewujudkan dasar pemerkasaan institusi tahfiz dalam aspek pengurusan, kurikulum, kebolehpasaran serta keselamatan institusi tahfiz. Dapatkan kajian lain yang dijalankan Muhammad Dhiauddin dan Abdul Hafiz (2021) mendapatkan pengurusan tahfiz Maahad Tahfiz Turath Negeri Pahang MTTNP berada pada tahap yang memberangsangkan dalam semua aspek.

TEORI

Pengkaji menggunakan Teori Parasuraman yang asaskan oleh Parasuraman et al. (1988) dan Azizah dan Rose (2000) sebagai landasan kepada kajian ini. Teori ini adalah untuk menilai persepsi kualiti perkhidmatan yang diterima oleh pelanggan dari lima dimensi dalam kualiti perkhidmatan Parasuraman et al. dalam Desta (2021). Azizah dan Rose (2000) dan Desta (2021) menjelaskan 5 dimensi tersebut iaitu yang pertama, *tangibles* (nyata) iaitu dimensi kualiti perkhidmatan yang merujuk aspek fizikal, infrasuktur dan kemudahan yang disediakan. elemen-elemen dari dimensi

ini dapat dilihat dan dirasai secara fizikal yang memberi kesan kepada persepsi pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan yang disediakan. Kedua, *reliability* (kebolehpercayaan) iaitu dimensi kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan adalah seperti yang ditawarkan dan dijanjikan. Ketiga, *responsiveness* (responsif) iaitu kualiti perkhidmatan ditawarkan adalah efisien sebagai contoh pengajaran yang berkesan. kualiti perkhidmatan mesti di diberikan seperti yang ditawarkan. Keempat, *assurance* (jaminan) iaitu dimensi kualiti perkhidmatan yang merujuk kepada pengetahuan, kompetensi dan credibility dalam kalangan kakitangan. Kelima, *empathy* (empati) iaitu dimensi kualiti perkhidmatan yang memastikan pelanggan merasa dihargai, difahami, dan diberikan perhatian yang sepatutnya. Sebahagian daripada elemen dari teori ini digunakan dalam kajian ini. Perkhidmatan yang diberikan mestilah menciptakan pengalaman yang lebih positif dan memberi kepuasan kepada pelanggan (Mohd Jusoh & Norazura, 2020)

PENYATAAN MASALAH

Kepelbagai institusi dan pusat tahfiz membawa kepada kepelbagaiannya kaedah yang digunakan, kepelbagai bahan bantu mengajar yang digunakan, had tempoh masa yang diambil dalam proses hafazan berkaitan dengan kemantapan kualiti hafazan dan institusi tahfiz. Menurut Solahuddin (2016), lambakan institusi tahfiz terutamanya institusi swasta mewujudkan ketidakselarasan dalam pentadbiran, kurikulum, tempoh pengajian, penarafan sijil dan sebagainya. Prospek institusi tahfiz sangat luas dan cabarannya juga sangat luas.

Politeknik Malaysia antara institusi pendidikan tinggi yang menawarkan program TVET turut menawarkan pensijilan tahfiz di samping mengikuti program pengajian Diploma di Politeknik iaitu *Techno Huffaz*. Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam menjadi perintis untuk program *Techno Huffaz*. Sehingga tahun 2023, 5 buah politeknik telah turut menawarkan program *Techno Huffaz*. Politeknik Nilai adalah antara 3 Politeknik baru yang akan menawarkan program *Tecnho Huffaz*. Justeru, menjadi keperluan untuk politeknik mempunyai data berkaitan hala tuju pelajar tahfiz untuk menyambung pengajian di Politeknik, adakah Politeknik menjadi intitusi pilihan pelajar tahfiz, apakah keperluan, cabaran, peluang ada ada untuk diperhalusi agar pelaksanaan sijil tahfiz bersama program pengajian diploma politeknik di bawah program *Techno Huffaz* dapat dilaksanakan sebaiknya.

TUJUAN KAJIAN

Kajian yang di jalankan ini bertujuan untuk melihat persepsi pelajar selepas mengikuti program tahfiz. Secara khusus, kajian ini telah mensasarkan dua objektif utama iaitu:

1. Mengenal pasti tahap persepsi pelajar terhadap kaedah hafazan, bahan bantu mengajar, tenaga pengajar dan pengurusan institusi tahfiz.
2. Mengenal pasti hala tuju pelajar tahfiz ke sistem politeknik selepas tamat mengikuti program tahfiz.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian menggunakan reka bentuk tinjauan secara kuantitatif menggunakan instrumen soal-selidik dan di edarkan kepada 406 orang responden yang terdiri dari pelajar-pelajar tahfiz dari institusi tahfiz yang bersedia bekerjsama dengan penyelidik. Soal selidik kajian terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A (profil responden), bahagian B (Kepuasan pelajar terhadap pengajian tahfiz), bahagian C (peluang menyambung pengajian). Konstruk dalam kajian ini adalah hasil

penelitian dalam tinjauan literatur kajian-kajian lepas yang berkaitan. Nilai kebolehpercayaan instrumen adalah $\alpha=0.805$ (elemen kaedah hafazan dan bahan bantu mengajar), $\alpha=0.869$ (elemen tenaga pengajar), $\alpha=0.886$ (elemen pengurusan) dan $\alpha=0.926$ (elemen hala tuju). Skala Likert 5 tahap digunakan bagi bahagian B dan C sebagaimana jadual 1 berikut:

Jadual 1: Skala Likert

Nilai	Skala	
	Bahagian B	Bahagian C
1	Sangat Tidak Memuaskan (STM)	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Kurang Memuaskan (KM)	Tidak Setuju (TS)
3	Sederhana (S)	Kurang Setuju (KS)
4	Memuaskan (M)	Setuju (S)
5	Sangat memuaskan (SM)	Sangat Setuju (SS)

Maklumat kajian ini digunakan bagi mengenal persepsi pelajar tahliz terhadap kaedah pengajaran dan bahan bantu mengajar, tenaga pengajar dan pengurusan institusi tahliz yang terlibat. Dalam masa yang sama, mengenalpasti hala tuju pelajar tahliz ke politeknik selepas mengikuti program tahliz. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 25.0 secara deskriptif menggunakan skala interpretasi tiga tahap seperti dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Skala Interpretasi Tahap

Skor min	Interpretasi Tahap
3.68 - 5.00	Tinggi (T)
2.34 - 3.67	Sederhana (S)
1.00 - 2.33	Rendah (R)

Sumber: Ghazali Darusalam & Sufean Hussin (2016)

DAPATAN KAJIAN

Analisis data secara deskriptif melibatkan frekuensi dan peratusan dilakukan bagi memaparkan dapatan demografi kajian. Persepsi pelajar tahliz terhadap, kaedah pengajaran, bahan bantu mengajar, tenaga pengajar, pengurusan di pusat tahliz serta hala tuju pula secara deskriptif menggunakan frekuensi, peratusan, skor min dan sisihan piawai.

Demografi

Jadual 3 memperincikan data berkaitan dengan demografi kajian. Dari segi jantina, kajian mendapati kebanyakannya responden yang menyertai kajian adalah lelaki iaitu seramai 331 orang (81.5%) dan seramai 75 orang (17.0%) pelajar perempuan. Dari segi umur pula, didapati umur 15 tahun iaitu seramai 75 orang (18.5%) merupakan responden teramai menyertai kajian dan paling sedikit adalah dalam kalangan responden yang berusia 21 tahun ke atas (4.2%).

Jika dilihat aspek institusi pendidikan yang pernah diikuti oleh responden kajian didapati responden kebanyakannya pernah berada di institusi pendidikan Sekolah Kebangsaan iaitu seramai 159 orang pelajar (39.2%) diikuti dengan sekolah swasta seramai 98 orang (24.1%) dan Sekolah Menengah Kebangsaan iaitu seramai 85 orang pelajar (20.9%). Responden paling sedikit iaitu seramai 3 orang (0.7%) pernah mengikuti Sekolah Jenis Kebangsaan dan *homeschool*.

Jadual 3: Demografi Kajian

Perkara	Jantina	Kekerapan	Peratus
Jantina	Perempuan	75	17.0%
	Lelaki	331	81.5%
Umur	13 tahun ke bawah	69	11.7%
	14 tahun	64	15.8%
	15 tahun	75	18.5%
	16 tahun	55	13.5%
	17 tahun	50	12.3%
	18 tahun	24	5.9%
	19 tahun	34	8.4%
	20 tahun	18	8.4%
	21 tahun ke atas	17	4.2%
Institusi Pendidikan yang pernah diikuti	Sekolah Kebangsaan	159	39.2%
	Sekolah Menengah Kebangsaan	85	20.9%
	Sekolah Jenis Kebangsaan	3	0.7%
	Sekolah Rendah Agama	58	14.3%
	Sekolah Swasta	98	24.1%
	<i>Homeschool</i> persendirian	3	0.7%
Pentadbiran Institusi Tahfiz	Persekutuan	22	5.4%
	Negeri	62	15.3%
	Swasta	322	79.3%
Jenis Pengajian Tahfiz	Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)	166	40.9%
	Kurikulum Bersepadu Dini (KBD)	29	7.1%
	100% Hafazan	211	52.0%

Majoriti responden kajian berada di institusi tahfiz swasta iaitu seramai 322 orang (79.3%) diikuti dengan institusi tahfiz di bawah kelolaan kerajaan negeri iaitu 62 orang (15.3%) dan institusi tahfiz di bawah kelolaan kerajaan persekutuan iaitu 22 orang (5.4%). Jenis pengajian tahfiz yang diikuti pula, kebanyakannya mengikuti pengajian 100% Hafazan iaitu 211 orang responden (52.0%), diikuti dengan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) seramai 166 orang (40.9%) dan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) seramai 29 orang (7.1%).

Jadual 4 hingga 8 berikut memaparkan secara terperinci dapatan aspek persepsi pelajar terhadap kaedah hafazan, bahan bantu mengajar, tenaga pengajar, pengurusan serta hala tuju pelajar ke dalam sistem politeknik menggunakan frekuensi, peratus, nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item serta keseluruhan item dan diklasifikasikan kepada tiga tahap skala interpretasi (tinggi, sederhana dan rendah) berdasarkan Jadual 2.

Persepsi Pelajar terhadap Kaedah Hafazan dan Bahan Bantu Mengajar

Persepsi pelajar terhadap kaedah hafazan yang digunakan beserta bahan bantu mengajar (dikenali sebagai Alat Bantu Hafazan di institusi tahfiz) diperincikan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Persepsi Pelajar Kaedah Hafazan dan Bahan Bantu Mengajar

Perkara	Frekuensi dan Peratus (N=179)					Skor Min	SP	Tahap
	STM	TM	S	M	SM			
Kaedah hafazan yang digunakan	7 1.7%	23 5.7%	107 26.4%	128 31.5%	141 34.7%	3.91	0.99	T
Kaedah mengulang hafazan yang digunakan	9 2.2%	52 12.8%	125 30.8%	122 30.0%	98 24.1%	3.61	1.05	S
Kaedah mengekalkan hafazan yang digunakan	9 2.2%	44 10.8%	142 35.0%	121 29.8%	90 22.2%	3.58	1.01	S
Bahan pengajaran hafazan yang digunakan	16 3.9%	32 7.9%	107 26.4%	111 27.3%	140 34.5%	3.80	1.11	T
Pengajaran subjek lain selain hafazan	29 7.1%	21 5.2%	100 24.6%	133 32.8%	123 30.3%	3.73	1.15	T
Keseluruhan						3.73	0.80	T

Nota:

STM (Sangat Tidak Memuaskan), TM (Tidak Memuaskan), S (Sederhana), M (Memuaskan), dan SM (Sangat Memuaskan)

Tahap: T (Tinggi), S (Sederhana), dan R (Rendah)

Berdasarkan Jadual 4, persepsi pelajar terhadap kaedah hafazan dan bahan bantu mengajar menunjukkan 3 item berada pada tahap tinggi manakala 2 item lagi berada pada tahap sederhana. Skor min tertinggi adalah bagi item ‘kaedah hafazan yang digunakan’ menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang sangat baik dengan skor min 3.91 (SP=0.99) iaitu berada pada tahap tinggi. Item ‘bahan pengajaran hafazan yang digunakan’ juga berada pada tahap tinggi (skor min 3.80, SP=1.11) diikuti ‘pengajaran subjek lain selain hafazan’ juga tinggi (skor min 3.73, SP=1.15). Skor terendah adalah bagi item ‘kaedah mengekalkan hafazan’ dengan skor min 3.58 iaitu pada tahap sederhana (SP=1.01). Skor kedua terendah adalah bagi item ‘kaedah mengulang hafazan yang digunakan’ juga berada pada tahap sederhana (skor min 3.61, SP=1.05). Secara keseluruhan berada pada tahap tinggi dengan skor min 3.73 (SP=0.80).

Persepsi Pelajar terhadap Tenaga Pengajar

Persepsi pelajar terhadap tenaga pengajar diperincikan dalam Jadual 5 berikut:

Jadual 5: Persepsi Pelajar terhadap Tenaga Pengajar Institusi Tahfiz

Perkara	Frekuensi dan Peratus (N=179)					Skor Min	SP	Tahap
	STM	TM	S	M	SM			
Tenaga pengajar berpengetahuan dalam bidang yang diajar.	8 2.0%	23 5.7%	90 22.2%	113 27.8%	172 42.4%	4.02	1.02	T
Tenaga pengajar berpengalaman dalam bidang yang diajar.	8 2.0%	25 6.2%	80 19.7%	113 27.8%	180 44.3%	4.06	1.03	T
Tenaga pengajar bersedia membantu meningkatkan pencapaian pelajar.	11 2.7%	23 5.7%	68 16.7%	106 26.1%	198 48.8%	4.12	1.05	T
Tenaga pengajar bertolak ansur dengan pelajar.	12 3.0%	24 5.9%	101 24.9%	114 28.1%	155 38.2%	3.92	1.06	T

Tenaga pengajar berkomunikasi dengan baik bersama pelajar.	11 2.7%	24 5.9%	77 19.0%	101 24.9%	193 47.5%	4.08	1.06	T
Tenaga pengajar menepati waktu pengajaran.	13 3.2%	31 7.6%	114 28.1%	99 24.4%	149 36.7%	3.83	1.10	T
Keseluruhan						4.01	0.82	T

Nota:

STM (Sangat Tidak Memuaskan), TM (Tidak Memuaskan), S (Sederhana), M (Memuaskan), dan SM (Sangat Memuaskan)

Tahap: T (Tinggi), S (Sederhana), dan R (Rendah)

Kesemua 6 item persepsi pelajar terhadap tenaga pengajar institusi tahfiz berada pada tahap tinggi dengan skor min keseluruhan ada 4.01 (SP=0.82). Skor min tertinggi adalah 4.12 (SP=1.05) bagi item ‘Tenaga pengajar bersedia membantu meningkatkan pencapaian pelajar’ manakala skor min terendah adalah 3.83 (SP=1.10) bagi item ‘tenaga pengajar menepati waktu pengajaran’ tetapi masih berada pada tahap tinggi.

Persepsi Pelajar terhadap Pengurusan Institusi Tahfiz

Persepsi pelajar terhadap pengurusan institusi tahfiz diperincikan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Persepsi Pelajar terhadap Pengurusan Institusi Tahfiz

Perkara	Frekuensi dan Peratus (N=179)					Skor Min	SP	Tahap
	STM	TM	S	M	SM			
Kakitangan pengurusan memberikan kerjasama dengan baik.	10 2.5%	34 8.4%	86 21.2%	136 33.5%	140 34.5%	3.89	1.05	T
Kakitangan pengurusan membantu menyelesaikan masalah.	18 4.4%	32 7.9%	83 20.4%	136 33.5%	137 33.7%	3.84	1.11	T
Kakitangan pengurusan menyediakan keperluan dengan baik.	12 3.0%	36 8.9%	103 25.4%	115 28.3%	140 34.5%	3.82	1.09	T
Kakitangan pengurusan mudah mesra dengan pelajar.	19 4.7%	27 6.7%	84 20.7%	119 29.3%	157 38.7%	3.90	1.12	T
Kakitangan pengurusan mengambil berat kesihatan pelajar.	15 3.7%	25 6.2%	71 17.5%	118 29.1%	177 43.6%	4.02	1.09	T
Keseluruhan						3.89	0.90	T

Nota:

STM (Sangat Tidak Memuaskan), TM (Tidak Memuaskan), S (Sederhana), M (Memuaskan), dan SM (Sangat Memuaskan)

Tahap: T (Tinggi), S (Sederhana), dan R (Rendah)

Kesemua 5 item persepsi pelajar terhadap pengurusan institusi tahfiz berada pada tahap tinggi dengan skor min keseluruhan ada 3.89 (SP=0.90). Skor min tertinggi adalah 4.02 (SP=1.09) bagi item ‘Kakitangan pengurusan mengambil berat kesihatan pelajar’ dan skor min terendah

adalah 3.82 (SP=1.09) bagi item ‘*kakitangan pengurusan menyediakan keperluan dengan baik*’ tetapi masih berada pada tahap tinggi.

Persepsi Pelajar terhadap Peluang Menyambung Pengajian dan Pengajian di Politeknik
 Persepsi pelajar terhadap peluang menyambung pengajian dan pengajian di politeknik diperincikan dalam Jadual 7 di bawah.

Jadual 7: Institusi Pilihan Pelajar untuk Menyambung Pengajian

Perkara	Kekerapan	Peratus
Matrikulasi KPM	28	6.9%
Asasi IPTA/ IPTS	33	8.1%
STPM	60	14.8%
STAM	43	10.6%
Diploma Politeknik	74	18.2%
Diploma IPTA/ IPTS	19	4.7%
<i>International Baccalaureate (Twinning Program MARA)</i>	12	3.0%
<i>A-Level</i>	3	0.7%
Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) IPG	12	3.0%
Darul Quran	44	10.8%
Lain-lain	78	19.2%

Jadual 7 menunjukkan 328 orang responden (80.8%) mempunyai pilihan hala tuju berdasarkan senarai yang terdapat dalam kajian ini selepas menamatkan pengajian di pusat tafsif manakala 78 orang responden (19.2%) memilih lain-lain. Hasil analisis mendapati pilihan menyambung pengajian tertinggi adalah di peringkat diploma di politeknik iaitu seramai 74 orang responden (18.2%), diikuti dengan menyambung pengajian melalui Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STAM) seramai 60 orang responden (14.8%), Darul Quran (44 orang = 10.8%), Sijil Tinggi Agama Malaysia (43 orang = 10.6%), program asasi di Institusi Pendidikan Tinggi Awam/ swasta (33 orang = 8.1%), program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (28 orang = 6.9%), program Diploma di Institusi Pendidikan Tinggi Awam/ Swasta (19 orang = 4.7%), Twinning Program Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) (12 orang = 3.0%) dan *A-Level* (3 orang = 0.7%).

Jadual 8: Institusi Pilihan Pelajar untuk Menyambung Pengajian

Perkara	Frekuensi dan Peratus (N=179)					Skor Min	SP	Tahap
	STS	TS	KS	S	SS			
Saya sedia maklum peluang pembelajaran di politeknik	89 21.9%	48 11.8%	110 27.1%	66 16.3%	93 22.9%	3.06	1.44	S
Saya sedia maklum pembelajaran di politeknik berasaskan TVET	75 18.5%	69 17.0%	120 29.6%	70 17.2%	72 17.7%	2.98	1.33	S
Saya sedia maklum pembelajaran di politeknik mempunyai kelebihan tersendiri	59 14.5%	38 9.4%	129 31.8%	83 20.4%	97 23.9%	3.29	1.32	S

Saya bercadang melanjutkan pengajian di politeknik.	85 20.9%	65 16.0%	104 25.6%	58 14.3%	94 23.2%	3.02	1.43	S
Saya bersedia menghadapi cabaran dalam pengajian di politeknik	79 19.5%	65 16.0%	111 27.3%	56 13.8%	95 23.4%	3.05	1.41	S
Saya mengetahui cara mendapatkan maklumat tentang pengajian di politeknik	103 25.4%	59 14.5%	114 28.1%	59 14.5%	71 17.5%	2.84	1.40	S
Keseluruhan						3.04	1.19	S

Nota:

STS (Sangat Tidak Setuju), TS (Tidak Setuju), KS (Kurang Setuju), S (Setuju), dan SS (Sangat Setuju)

Tahap: T (Tinggi), S (Sederhana), dan R (Rendah)

PERBINCANGAN

Kajian memperlihatkan majoriti pelajar dalam laluan tahfiz adalah pelajar lelaki yang mengikuti pengajian tahfiz di institusi tahfiz swasta. Kebanyakannya responden mengikuti pengajian tahfiz secara 100% tahfiz seramai 211 orang (52.0%) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) seramai 166 orang (40.9%). Persediaan menerima pelajar tahfiz menyambung pengajian akan lebih menjurus kepada pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan yang dari aliran KPT dan KBD. Hasil kajian juga menunjukkan responden berpuas hati (tahap tinggi) kaedah hafazan yang digunakan di institusi tahfiz. Penerokaan lanjut perlu dilakukan untuk memperincikan bentuk kaedah-kaedah yang digunakan supaya boleh disesuaikan untuk digunakan untuk keberkesaan dalam pengajian tahfiz di politeknik.

Hasil kajian memperlihatkan tenaga pengajar di institusi tahfiz mempunyai pengetahuan bidang dan berpengalaman dalam bidang yang sangat baik (skor min 4.01, SP=0.82). Pihak politeknik boleh melihat dan mengambil peluang melibatkan tenaga pengajar di pusat tahfiz untuk membantu dalam melaksanakan program tahfiz di politeknik sekiranya menghadapi kekangan tenaga pengajar atau mendapatkan khidmat bantuan kepakaran dan melancarkan pelaksanaan program tahfiz di politeknik. Pengurusan pusat tahfiz juga berada pada tahap tinggi (skor min 3.89, SP=0.90) memperlihatkan keupayaan pengurusan pusat tahfiz dan kelancaran pusat tahfiz termasuk pengurusan masalah pelajar, keperluan dan kesihatan pelajar. Pengalaman pengurusan ini boleh membantu politeknik melalui perkongsian pengalaman dengan pusat tahfiz. Politeknik juga boleh menelusuri lanjut apa masalah yang biasa dihadapi oleh pelajar dalam aliran tahfiz di pusat tahfiz sekaligus menyediakan politeknik dengan persediaan yang sewajarnya bagi pelajar aliran tahfiz di politeknik.

Kajian memperlihatkan responden kajian memilih program pengajian Diploma politeknik sebagai pilihan utama selepas menamatkan pengajian tahfiz. Sungguhpun begitu, responden didapati belum menerima lebih mendalam pengajian peringkat diploma di politeknik melalui kajian ini iaitu berada pada tahap sederhana (skor min 3.04, SP=1.19). Mungkin pendedahan lanjut boleh dibuat diperingkat politeknik kepada pelajar yang sedang mengikuti pengajian tahfiz di pusat tahfiz berkaitan peluang dan maklumat pembelajaran, pembelajaran berdasarkan TVET di politeknik, kelebihan dan cabaran pengajian di politeknik dan sebagainya.

Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan bahawa pusat tahniz berada pada tahap yang baik bagi kesemua aspek yang dikaji dimana kesemuanya berada pada tahap yang tinggi kecuali aspek maklumat pembelajaran di politeknik berada pada tahap sederhana. 74 orang responden (18.2%) memilih untuk menyambung pengajian dalam program diploma politeknik menunjukkan peluang kepada penambahan enrolmen kemasukan program *Techno Huffaz* di politeknik sediaada dan politeknik lain yang bakal menawarkan program yang sama. Peningkatan jumlah pelajar tahniz yang berminat menyambung pengajian dalam program diploma politeknik akan bertambah sekiranya mereka mendapat lebih maklumat dan pendedahan.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini melibatkan ramai responden (406 orang) walaupun hanya melibatkan institusi tahniz yang berminat menyertai kajian ini. Banyak kajian boleh dilakukan dan diperluaskan agar gambaran yang lebih terperinci dapat diperoleh yang akhirnya membawa kebaikan kepada banyak pihak yang berkepentingan. Lepasan atau graduan yang memiliki sijil tahniz beserta segulung diploma sememangnya memberikan nilai tambah yang sangat berharga pada lepasan atau graduan tersebut dalam kehidupan peribadi dan dunia kerjaya.

Perkembangan teknologi kini perlu lebih dimanfaatkan secara maksimum dan keatif oleh semua pihak termasuk institusi tahniz agar selari dengan perkembangan masa sekaligus memberikan impak positif kepada institusi tahniz dan graduan institusi tahniz contohnya dalam kaedah pengajaran dan bahan bantu mengajar. Pengurusan secara strategik boleh diteruskan dalam memperkasa pembangunan ilmu dan kemahiran di institusi tahniz dengan kurikulum lain selain kurikulum tahniz dalam kalangan warga tahniz. Perkembangan masa, kemajuan negara, keperluan hidup dan cabaran yang ada memerlukan inisiatif dan tindakan yang mampan yang bergerak selari memenuhi keperluan tersebut. Institusi tahniz boleh tampil menjadi institusi paling signifikan apabila lepasan atau graduannya terbangun rohani, intelektual, emosi, fizikal, sahsiah dan dilengkapi dengan kejayaan menghafaz al-Quran bersekali ilmu-ilmu dan kemahiran berkaitan al-Quran yang tentunya akan menjadi aset yang sangat berharga.

RUJUKAN

- Al-Quran.
- Abd Rahman Abd Ghani. (2016). *Pembangunan Sistem Pendidikan Guru Tahniz di Malaysia ke Arah Melahirkan Tenaga Kerja Terlatih*. Seminar Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran.
- Al-Ustaniah, A. M. A. I. (2008). *Tafsir al-Quran Ibnu Katsir* (10. Jil.) Pustaka Imam As-Syafie.
- Ainul Hayat Abdul Rahman, Fakhri Sungit & Nurzuliana Rashed (2021). Cabaran Pengurusan Sekolah dalam Urus Tadbir di Maahad Integrasi Tahniz Sains Selangor. *Judicous Jurnal of Management Volume 02 Issue 02*, December 2021.
- Abd Muhamimin Ahmad, Muhammad Hafiz Saleh, Muhammad Arif Musa, Norazman Alias & Khairul Anuar Muhammad. (2021). Kaedah Menghafaz Ayat *Mutashabihat* di Kalangan Pelajar Tahniz: Kajian di Darul Quran JAKIM dan Jabatan Al-Quran dan Al-Qiraat KUIS. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(3): 77-85.
- Asyraf Ismail. (2018). *Amalan Pengajaran Pensyarah Tahniz di Maahad Tahniz al-Quran Kelolaan JAKIM*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizah Abdul Rahman & Rose Alinda Alias (2000) *Servqual dalam Penilaian Kualiti Servis Sistem Maklumat*. Proceedings of the National Conference on Management Science/ Operations Research School of Mathematical Sciences, USM and MSORSM (2000).

- Azman Ab Rahman, Afaf Sukari, Nurul Nadia Nozlan, Mohamad Anwar Zakaria & Muhd. Faiz Abd. Shakor. (2020). *Dasar Pemerkaan Institusi Tahfiz di Malaysia*. Proceeding 3rd International Conference of the Post Graduate Students and Academics in Syariah and Law 2020 (18 November 2020), Universiti Sains Islam Malaysia.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri & Misnan Jemali. (2013). Latar Belakang Guru Tahfiz dan amalan Teknik Pengajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education* 1(1): 28-39.
- Azmil Hashim & Hamdi Ishak. (2016). *Pembangunan Kurikulum Pendidikan Tahfiz dan Kaedah dalam Membina Kurikulum Tahfiz al-Quran dalam Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*. Selangor: Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Azmil Hashim & Misnan Jemali (2006). Kajian Mengenai Hubungan antara Teknik Pembelajaran Tahfiz dan Pencapaian Hafazan al-Quran Para Pelajar. *Jurnal Perspektif* 6(2): 15-25
- Darul Quran. (2006). *Sejarah Darul Quran*. Bahagian Perhubungan Darul Quran JAKIM
- Desta Sulaesih Mursyidah (2021) Kualitas Pelayanan Dalam Meningkatkan Kepuasan Konsumen di Showroom X Kota Bandung. *Journal Management, Business, and Accounting*, Vol. 20, No. 3, Desember 2021. hlm: 2655-8262.
- Farah Ilyani Zakaria, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abd Razak. (2018). Amalan Pembelajaran Pelajar Tahfiz di Institusi Tahfiz Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia SI* 1(1): 141-148
- Fadzlullah Shuib. (1995). *Kecemerlangan Ilmu dalam Sejarah dan Tamadun Islam: Pengistitusian Ilmu di Zaman Abbasiyah 750-1258*. Kuala Lumpur: Pustaka Warisan.
- Jusoh, M. A., & Mohd Sulaiman, N. (2020). Kualiti Perkhidmatan, Kepuasan Pelanggan dan Kesetiaan Terhadap Firma Audit. *Management Research Journal*, 9(2), 59-69. Vol 9.2.5.2020.
- M. Marzuqi, A. R. (2008). *Pengajaran Mata Pelajaran Hafazan al-Quran: Satu Kajian Maahad Tahfizal-Quran Zon Tengah*. Kertas Projek Sarjana: Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mardhiah Yahaya. (2016). Pelaksanaan Modul Pengajaran Tahfiz (Modul Quranik) di MRSM Ulul Albab. Dlm. Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff & Nordin Ahmad (pnyt.). *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*, hlm. 76-86. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM.
- Mardhiah Yahaya, Zetty Nurzuliana Rasheed & Aslam Farah Selamat (2018). *Isu dalam Pendidikan Tahfiz: Satu Analisis*. E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan 2018 Pasak3 2018 23-24 April 2018. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat, Ahmad Yussuf & Abd Hadi Borham. (2016). *Tahap Penggunaan Alat Bantu Hafazan (ABH) dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz di-Quran di Malaysia*. Dalam: Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran, Edisi 1: Darul Quran JAKIM.
- Mohd Razlan Ahmad, Sumaiyah Bahri, Muhammad Syukri Mohd Ashmir Wong, Ahmad Thaqif Ismail & Zuhaili Saiman. (2022). Isu dan Cabaran Pelajar Plus Tahfiz dalam Mengelakkan Hafazan al-Quran di UiTM. *Journal of Fatwa Management and Research. Special Edition*, Jan 2022. Vol. 27. No. 2.
- Muhammad Amirullah Jasni & Mohd Isa Hamzah. (2023). *Kaedah Talaqqi Musyafahah dalam Pembelajaran al-Quran di Malaysia*. International Conference on Business and Education (ICBE). ICBE Publication: 67-74.
- Muhammad Dhiauddin Ahmad Termizi. (2021). *Pengurusan Sekolah Tahfiz ke Arah Melahirkan Generasi Huffaz yang Berkualiti*. Proceeding International Seminar on Islamic Education and Peace Volume 1, 2021. Hlm: 235-243.

- Muhamad Shafiq & Noraini. (2018). Mengenalpasti Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Sarjana Muda Psikologi, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). *Jurnal Sains Sosial*, 7, 77-87. <https://kuim.edu.my/journal/index.php/JSS/article/view/466>
- Muhd Zulhimi Haron, Mohd Muslim Md Zalli, Siti Noor Aneis Hashim, Ahmad Rusli Abdul Gani & Ismail Salleh. (2020). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berteknologi dalam Pengajaran Guru Tahfiz Ulul Albab (TMUA). *Jurnal Al-Hikmah*, Vol. 12(2), 2020: hlm 3-18.
- Muriyah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah & Arief Salleh Rosman (2015) *Pendidikan Tahfiz di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah*. Conference: International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship.
- Nor Hashimah Ahmad Shukri & Khadijah Abdul Razak. (2020). Faktor Motivasi pelajar dalam Pengukuhan Hafazan Al-Quran di Kota Bharu. *Jurnal Dunia Pendidikan*. Vol. 2, No: 32-40.
- Nordin Ahmad. (2015). *Memperkasa Darul Quran ke Arah Memartabatkan Pendidikan Tahfiz di Malaysia*. Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara dan Multaqa Huffaz kali ke- IV, Darul Quran JAKIM di ILIM (1-3 Jun 2015).
- Noor Hisham Md Nawi, Nur Azuki Yusuff & Mohd Binyamin Che Yaacob. (2014). *Matlamat dan Hala Tuju Sistem Pengajian Tahfiz di Kelantan; Satu Pengamatan Awal*. 4th International Conference and Exhibition on Islamic Education 2014.
- Nor Hayati Fatmi Talib, Bani Hidayat Mohd Shafie & Ab. Halim Tamuri. (2017). Program Pengajian Tahfiz dan Asas Penawarannya di Politeknik: Satu Sorotan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 3(1), 2017, hlm:115-127.
- Nor Hafizi Yusof (2020) Kaedah Pintar Murajaah Al-Qur`An: Kajian Di Institusi Pengajian Tahfiz Malaysia. *Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Keagamaan* Vol.21. No. 2 Jul 2020, hlm: 219-230.
- Nurul Huda Mohammad &Noor Syahidah Mohamad Akhir (2023) Kepelbagaian Pengurusan, Potensi dan Cabaran Institusi Tahfiz di Malaysia. *Asian People Journal*, 2023, Vol 6(1), hlm:36-52.
- Rabi'atul Athirah Muhamad Isa, Mohd Faizulamri Mohd Saad, Sabri Mohamad, Latifah Abdul Majid & Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah Kesediaan dan Kefahaman Guru Maharat al-Quran Terhadap Pembelajaran Abad ke-21 di Sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab. *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* Vol. 5 Dis 2021: hlm 94-103.
- Siti Salma Mohamad Shokri, Syafawati Salihan, & Muhammad Hafizan Abd Hamid. (2022). Inovasi Digital dalam Pengajaran & Pembelajaran Program Tahfiz di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). *Jurnal al-Irsyad*. Vol. 6, No. 1, (June, 2021) hlm: 495-507.
- Solahuddin, I. (2016). *Transformasi Sistem Pendidikan Pondok dalam Memartabatkan Pengajian Kitab Kuning di Malaysia*. Retrieved on 1st January 2019 from <http://www.academia.edu/7873304/> Transformasi Sistem Pendidikan Pondok dalam Memartabatkan Pengajian Kitab Kuning di Malaysia.
- Solahuddin, I (2016a). *Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran*. Kertas kerja ini dibentangkan di Simposium Antarabangsa Tahfiz sempena Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Darul Quran anjuran Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi Selangor pada 23-24 November 2016.
- Sri Andayani Mahdi Yusuf, Mohd. Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak. (2021). Guru Tahfiz Menjadikan Proses Penyampaian Ilmu Dapat Dilakukan dengan Berkesan. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* Vol. 5 Dis 2021. Hlm: 39-50.

- Siti Mastura Baharudin, Adura Hani Abdul Hani, Nurul Fazzuan Khalid & Muhammad Zuhair Zainal (2021). Keberkesanan Aplikasi al-Quran M-Pembelajaran dalam Meningkatkan Pencapaian Hifz Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). *Jurnal of Sosial Sciences and Humanity. Vol. 18. No.9* (2021). 122-133.
- Siti Rashidah Abd Razak Isu Pendidikan Guru Tahfiz: Pengetahuan Pedagogi dan Amalan dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Pusat Tahfiz Persendirian di Selangor. *ISLĀMIYYĀT 42* (Isu Khas) 2020: hlm: 101 – 106.
- Siti Salma Mohamad Shokri, Syafawati Salihan, & Muhammad Hafizan Abd Hamid (2022). Inovasi digital dalam pengajaran & pembelajaran program Tahfiz di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). *Jurnal al-Irsyad. Vol. 6, No. 1*, (June, 2021) hlm: 495-507.
- Wan Muhammad Wan Aziz. (2003). Pengurusan Ma'ahad Tahfiz al-Quran: Pengalaman Darul Quran. *Jurnal Darul Quran JAKIM* Bil. 3.
- Yusni Yusak. (2016). *Hala Tuju Program Tahfiz di Politeknik Malaysia: Satu Tinjauan Awal*. Wacana Pendidikan Islam Siri ke-11.
- Zainora Daud, Abdul Muhammin Ahmad, Norazman Alias & Norhasnira Ibrahim. (2022). Persepsi Pelajar terhadap Penggunaan Gamifikasi Tahfiz Global dalam Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Muraja'ah al-Quran. *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs. Vol. 6 December 2022, no. e-ISSN 2590-3799* hlm: 62-78.
- Zetty Nurzuliana Rashed, Mardhiah Yahaya, Mohd Faez Ilias, Mohd Fakhri Sungit & Ainul Hayat Abdul Rahman. (2021). Pengurusan Infrastruktur Sekolah: Kajian Kes di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, Julai 2021, Bil.8, Isu 3.